



PESERTA: Antara peserta yang hadir pada acara perasmian Hari Lautan Sedunia peringkat UMS yang berlangsung secara MAYA.

UMS sambut Hari Lautan Sedunia secara maya

UB.P6.10/6/2021

Oleh SRI Ahyah Narudin

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraikan sambutan Hari Lautan Sedunia melalui platform secara maya dengan pelbagai program dan aktiviti sepanjang bulan ini.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, tahun ini adalah tahun kedua UMS meraikan Hari Lautan Sedunia secara maya yang disambut setiap tahun pada 8 Jun.

Katanya, walaupun dengan kepelbagaian cabaran akibat situasi pandemik COVID-19 ketika ini, penganjuran program dengan format secara maya sepenuhnya masih diterima baik.

Menurutnya, tahun lepas penyertaan masyarakat luar begitu memberangsangkan walaupun ia penganjuran yang pertama.

"Tahun ini, kita meraikan tiga acara bermakna iaitu sambutan Hari Lautan Sedunia, Hari Segitiga Terumbu Karang, dan Hari Penyu Sedunia.

"Ini menunjukkan betapa pentingnya lautan kita yang menghasilkan lebih daripada separuh oksigen dunia, mengatur pola iklim dan cuaca, serta menjadi rumah bagi pelbagai spesis yang memainkan peranan penting dalam ekosistem kita.

"Dengan menjaga lautan, kita mampu memastikan kelangsungan hidup untuk generasi masa depan kerana peranannya sebagai laluan pengangkutan dan perdagangan serta memberi kita pelbagai manfaat dari sudut ekonomi, makanan, rekreasi dan perubatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan sambutan berkenaan melalui platform Zoom serta disiarkan di laman Facebook rasmi Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS



TAUFIQ YAP

di sini.

Taufiq berkata, tema sambutan tahun ini iaitu "The Ocean: Live and Livelihoods" adalah berkisar tentang ketergantungan manusia terhadap lautan dalam kehidupan dan ekonomi.

Menurutnya, sambutan Hari Lautan amat bertepatan sebagai platform untuk membawa komuniti menghargai lautan dan memberi kesedaran terhadap ancaman-ancaman yang dihadapi.

Program anjuran IPMB dan Inisiatif Segi Tiga Terumbu Karang Cawangan Sabah menyaksikan beberapa aktiviti akan berlangsung secara maya antaranya STEM Speaker Series, lawatan secara maya ke Akuarium dan Muzium Marin serta Hatceri UMS, pertandingan fotografi, pertandingan melukis, mewarna dan bercerita yang melibatkan pelajar sekolah menengah, sekolah rendah dan kanak-kanak di Pusat Minda Lestari UMS.

Program berkenaan turut melibatkan pelbagai agensi luar antaranya Kementerian Alam Sekitar dan Air, U-Science dan Rakan Akuakultur UMS sebagai penganjur bersama, serta kolaborasi dari Malaysian Ocean Youth Ambassador, Tanjung Aru Marine Ecosystem Centre dan Scubazoo.